



Md Sabri bersama ikan tapah seberat 60kg yang diperolehnya di Sungai Terengganu di Kampung Telaga semalam.

Rezeki pemancing dapat ikan tapah 60kg

HULU TERENGGANU - Seorang pemancing tidak menyangka seekor ikan tapah seberat lebih 60 kilogram (kg) terperangkap dalam sauknya di Sungai Terengganu di Kampung Telaga di sini semalam.

Md Sabri Sulong, 44, berkata, dia menahan sauk itu malam kelmarin sebelum kembali semula kira-kira jam 7.30 pagi semalam.

"Terkejut juga dibuatnya sebab tak sangka kali ini ikan tapah sebesar ini mengena. Sebelum ini biasanya saya dapat bawah 50kg sahaja."

"Memandangkan saya hanya bersendirian, saya yang menaiki sampan terpaksa mengheret ikan itu sehingga ke tebing sebelum dibantu rakan-rakan yang lain."

"Memang seronok, bagi kaki pancing seperti saya ia adalah satu kepuasan bila berjaya mendapat ikan sebesar ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Md Sabri berkata, kawasan itu boleh dikatakan menjadi lubuk ikan tapah yang membolehkan dia dan penduduk di situ sering kali pulang membawa pulang ikan berkenaan.

Katanya, sebahagian daripada ikan yang diperolehnya itu sudah dijual kepada orang ramai.

"Syukur 40kg ikan terjual dengan hasil hampir RM1,000."

"Selebihnya saya agihkan untuk ahli keluarga dan kenalan rapat," katanya.